



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR

---

### PENGUKUHAN PROSEDUR PEMPROSESAN LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (*ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT (EIA)*) DI BAWAH SEKSYEN 34A, AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

**PUTRAJAYA - 13 OGOS 2020** - Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) sedang menambahbaik dan memudahkan cara perkhidmatan bagi prosedur dan pemprosesan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (EIA) bagi membantu memacu pembangunan bagi projek-projek yang tertakluk EIA.

Sehubungan itu, **tiga (3) elemen** baru penambahbaikan yang mudah dan cepat dicapai (*quick wins*) diperkenalkan sebagaimana kehendak Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi Aktiviti Yang Ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015, iaitu:

- i. **Pengemukaan dan Edaran Bidang Rujukan/ Laporan EIA**  
Memperkenalkan kaedah pengemukaan edaran dokumen berbentuk digital yang bersesuaian dengan era kini dan meminimumkan edaran *hardcopy* kepada pihak-pihak berkepentingan.
- ii. **Pengukuhan Seranta Awam**  
Menyebarluas maklumat yang lebih interaktif melalui pengiklanan secara atas talian bagi membolehkan maklumat dicapai dengan cepat dan mudah. Kaedah ini akan dapat mempertingkatkan kefahaman dan penglibatan orang awam dalam mengemukakan ulasan berhubung cadangan pembangunan.
- iii. **Penstrukturkan Ringkasan Eksekutif**  
Memperkenalkan Ringkasan Eksekutif Laporan EIA berbentuk infografik yang interaktif dengan memfokuskan intipati utama bagi cadangan pembangunan.

Saya yakin elemen penambahbaikan yang digariskan ini menjurus kepada usaha meningkatkan kebolehcapaian dan menyebarluaskan maklumat secara digital yang mudah difahami, interaktif dan memberi impak yang tinggi kepada pemegang taruh serta pemahaman orang awam terhadap Laporan EIA. Butiran perincian pelaksanaan adalah boleh didapati di laman sesawang JAS di [www.doe.gov.my](http://www.doe.gov.my)

**YB Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man  
Menteri Alam Sekitar dan Air**

Dikeluarkan pada 13 Ogos 2020

- Tamat -